

TARIKH	SELASA, 23 DISEMBER 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KUALITI PERKHIDMATAN PENENTU GANJARAN SSPA FASA 2
M/S	6
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	WAGES, PERSONNEL

Kualiti perkhidmatan penentu ganjaran SSPA Fasa 2

Putrajaya: Penjawat awam kini perlu beralih ke arah budaya kerja lebih dinamik apabila pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 meletakkan pencapaian keberhasilan sebagai kayu pengukur utama pemberian ganjaran dan pengiktirafan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA,) Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata kriteria penilaian di bawah fasa baharu itu akan memberikan keutamaan tinggi kepada kualiti perkhidmatan, kepantasan proses, serta elemen inovasi dalam tugas harian.

"Ganjaran dan pengiktirafan kini dikaitkan terus dengan keberhasilan kerja. Kriteria pengiktirafan tidak lagi sekadar bergantung kepada elemen kehadiran bertugas atau tempoh kekananan (senioriti) semata-mata," katanya kepada **BERNAMA** dalam temu bual di sini, semalam.

Wan Ahmad Dahlan berkata, langkah itu juga dilihat sebagai

strategi kerajaan untuk memupuk budaya kerja lebih responsif dan produktif, sekali gus memastikan setiap sen wang rakyat dibalas dengan perkhidmatan yang cekap.

"Ini penting bagi membina perkhidmatan awam yang berorientasikan keberhasilan, setiap penjawat awam didorong untuk lebih inovatif dan pantas dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan SSPA Fasa 2 yang sudah bermula secara berfasa akan memperkuat sistem penyampaian awam, selari dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam menambah baik sistem ganjaran pegawai awam, beralih daripada orientasi skim dan prosedur kepada ganjaran berpaksikan nilai, prestasi serta tanggungjawab.

Wan Ahmad Dahlan berkata, SSPA Fasa 2 juga akan menjadi instrumen strategik kerajaan untuk menarik dan mengekalkan bakat berkualiti tinggi, sekali gus

merapatkan jurang kompetitif antara sektor awam dan pasaran luar.

Beliau berkata, struktur ganjaran yang lebih kompetitif di bawah fasa itu memberikan fokus khusus kepada bidang kritikal yang menjadi nadi pembangunan negara, khususnya dalam bidang seperti digital, data, kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

"Penetapan struktur ganjaran yang lebih kompetitif, disokong

oleh peluang pembangunan berterusan, akan menjadikan perkhidmatan awam lebih setara dengan pasaran luar.

"Secara keseluruhan, SSPA Fasa 2 berfungsi sebagai instrumen utama Kerajaan MADANI untuk meningkatkan tahap integriti, kecekapan dan daya saing perkhidmatan awam ke arah pencapaian aspirasi pembangunan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata,

Penetapan struktur ganjaran yang lebih kompetitif, disokong oleh peluang pembangunan berterusan, akan menjadikan perkhidmatan awam lebih setara dengan pasaran luar



Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

kajian SSPA Fasa 2 yang bermula Januari lalu dengan misi utama mengurangkan tanggungan fiskal kerajaan bagi faedah persaraan, selain melonjakkan produktiviti penjawat awam melalui pembudayaan nilai, adaptasi teknologi digital serta integriti.

Beliau berkata, SSPA Fasa 2 adalah kesinambungan komprehensif daripada SSPA Fasa 1 yang telah mula memperkasakan modal insan melalui penguatkuasaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 pada 1 Disember lalu.

Katanya, kajian Fasa 2 turut membabitkan semakan semula dasar sedia ada serta perluasan inisiatif daripada fasa terdahulu dan antara pembaharuan penting yang sedang diteliti termasuk Kajian Kebolehlaksanaan Laluan Khas Pelantikan ke Kumpulan Perkhidmatan Lebih Tinggi serta Kajian Semula Dasar Latihan dan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Sektor Awam.

BERNAMA

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM 2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
------------------------	--